

Sosialisasi Budaya Politik di Malaysia: Kajian Kes Masyarakat di Permatang Pauh Pasca Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14)

Political Culture Socialization in Malaysia: Case Study of the Permatang Pauh Community in Post 14th General Election (GE14)

Intan Syahidah Sudin
¹Muhammad Rahimi Hasan

Program Sains Politik
Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA),
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK),
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Correspondence email: ¹rahimihasan@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini meneliti isu sosialisasi budaya politik di Malaysia dengan tumpuan khusus terhadap kajian kes masyarakat di Permatang Pauh Pasca Pilihan Raya Umum ke-14. Permatang Pauh telah dipilih sebagai tempat kajian kerana kajian ini bertujuan untuk mengetahui faktor kejatuhan parti politik yang telah mendominasi pentadbiran politik kawasan tersebut semenjak kira-kira 40 tahun yang lalu. Bagi meneliti isu sosialisasi budaya politik ini, kajian menggariskan tiga objektif kajian yang utama. Pertama, menjelaskan faktor-faktor kejatuhan parti Parti Keadilan Rakyat (PKR) atau Pakatan Harapan (PH) dalam aspek perubahan corak dan budaya sosialisasi yang dibawa oleh masyarakat di Permatang Pauh. Kedua, mengenal pasti agen sosialisasi yang membawa pengaruh terkuat dan memberikan kesan yang paling signifikan terhadap pemahaman politik generasi muda di Permatang Pauh dalam PRU15. Ketiga, menilai impak proses sosialisasi politik terhadap kemunculan dan perkembangan elemen negatif seperti ketaksuban dan ekstremisme. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Data dikumpulkan menerusi kaedah pemerhatian, temu bual, soal selidik dan rujukan perpustakaan... Hasil kajian ini menemukan tiga dapatan kajian. Pertama, antara faktor kejatuhan PKR dan Pakatan Harapan didapati merupakan kesan daripada penglibatan golongan belia dalam Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15)... Kedua, agen-agen sosialisasi yang telah membawa kesan yang ketara terhadap pemahaman politik generasi muda ialah media, ibu-bapa dan keluarga serta rakan sebaya... Ketiga, impak proses sosialisasi politik terhadap kemunculan elemen negatif ketaksuban dan ekstremisme adalah berlakunya konflik perkauman dan agama yang lebih kritikal... Maka, kajian terhadap sosialisasi budaya politik di Permatang Pauh ini mengusulkan agar pemahaman politik dapat diterapkan dalam bentuk yang lebih formal seperti pendidikan bermula di peringkat sekolah menengah...

Kata kunci: Sosialisasi budaya politik, Permatang Pauh, Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14), Pakatan Harapan (PH) dan Ekstremisme

ABSTRACT

This research is scrutinizing the political culture socialization in Malaysia with the focus on the case study of the citizen in Permatang Pauh Post the 14th General Election. Permatang Pauh has been chosen as the research area as this research is trying to figure out the factors of the fallen of the dominant political party that has been ruling the political administration in that area since approximately 40 years ago. To unravel this political culture socialization issue further, this research is done based on three main focuses. First, is to explain the factors of the losing of Parti Keadilan Rakyat (PKR) or Pakatan Harapan (PH) due to the changes of pattern and the culture of socialization carried by the citizen in Permatang Pauh. Second, is to identify the most influential and impactable

socialization agents toward the youth in Permatang Pauh during the 15th General Election. Third, is to evaluate the impacts of socialization process to the emergence and development of negative values such as obsession and extremism. This research is done by qualitative method. All the data has been collected through observations, interviews, questionnaire surveys, and library references. This study has discovered three research findings. First, the fallen of PKR and PH is a result of the youth involvement in the 15th General Election. Second, amongst the agents that has left significant impacts towards the youth political understandings are the medias, parents and peers. Third, the impact of political socialization process towards the evolvement of negative elements such as obsession and extremism is a critical racial and religion conflicts. Thus, this political culture socialization study suggests that political understanding needs to be encouraged through a more formal form such as education, starting from a lower level such as secondary school.

Keywords: *Political culture socialization, Permatang Pauh, 14th General Election, Pakatan Harapan (PH) and Extremism.*

1. Pengenalan

Permatang Pauh merupakan sebuah kawasan yang penting bagi Parti Keadilan Rakyat (PKR), memandangkan ianya adalah kawasan kelahiran Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia kini yang juga merupakan seorang pemimpin utama dalam Parti Keadilan Rakyat (PKR). Selain itu, Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Pakatan Harapan (PH) merupakan parti-parti yang dominan dalam memegang pemerintahan di kawasan Permatang Pauh dengan adanya sokongan yang kuat daripada rakyat dan populariti yang baik.

Parti Keadilan Rakyat (PKR) merupakan sebuah parti yang terkenal dengan usahanya dalam memperjuangkan nilai-nilai demokrasi, keadilan sosial dan hak-hak asasi manusia. Antara elemen lain yang diperjuangkan adalah reformasi dalam politik, penuntutan kepada adanya peningkatan kebebasan media, usaha memperkukuh institusi-institusi demokratik serta memberi penekanan kepada kepentingan integriti yang baik dalam struktur pentadbiran negara. Parti ini juga merupakan salah satu anggota utama dari parti Pakatan Harapan (PH), yang terdiri daripada parti-parti yang lain seperti Parti Amanah Negara (AMANAH), Demokratik Aksi Rakyat (DAP) dan Parti MUDA.

Memandangkan kedua-dua parti ini telah memegang pentadbiran politik Permatang Pauh semenjak 2008 lagi, maka banyak langkah yang telah mereka ambil dalam memastikan kebijakan masyarakat setempat terjaga. Antara demikian termasuklah pengutamaan kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat, melaksanakan projek-projek infrastruktur serta menambahbaik fasiliti dan akses kepada pendidikan dan kesihatan. Kedua-dua parti ini turut memberikan penekanan kepada rakyat supaya menyumbang kepada adanya partisipasi politik dalam sama-sama berganding bahu membangunkan kawasan Permatang Pauh.

Walau bagaimanapun, Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Pakatan Harapan (PH) telah mendepani sebuah gelombang cabaran baharu sama ada di peringkat Permatang Pauh dan di peringkat Persekutuan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, Pilihan Raya Umum ke-15 yang lalu telah menyaksikan tumbangnyanya parti Pakatan Harapan sebagai sebuah perubahan yang signifikan dalam arena politik, kepada parti Perikatan Nasional (PN) yang diwakili oleh Yang Berbahagia Ustaz Muhammad Fawwaz bin Md Jan.

Parti Perikatan Nasional (PN) adalah sebuah hasil daripada gabungan beberapa parti yang terbentuk daripada Pasti Islam Se-Malaysia (PAS), Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN), Sabah Progressive Party (SAPP) dan Parti Solidariti Tanah Airku (STAR). Parti ini adalah sebuah parti yang baru ditubuhkan beberapa tahun yang lalu berikutan dengan berlakunya krisis politik perebutan kuasa pada tahun 2020. Krisis ini telah berakhir dengan adanya perantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri kelapan Malaysia. Beliau telah menaikkan corak kepimpinan yang berbentuk gabungan Melayu-Muslim yang secara majoriti terdiri daripada mono-etnik seperti United Malays National Organization (UMNO) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Oleh hal yang demikian, maka wujudlah parti Perikatan Nasional (PN).

Perubahan yang berlaku ini boleh dikatakan sebagai sebuah dinamik demokrasi yang menjadi simbolik bahawa rakyat menginginkan supaya adanya perubahan politik kepada yang lebih baik. Kekalahan ini juga membolehkan parti yang tewas untuk membuat refleksi semula terhadap pendekatan dan strategi politik yang mereka gunakan dalam perjuangan mempertahankan keadilan dan kepentingan rakyat.

Selain itu, situasi ini juga dapat dilihat sebagai kesan daripada penggunaan media sosial yang meluas pada masa kini. Media sosial juga dilihat sebagai salah satu agen sosialisasi yang memberikan kesan yang signifikan dalam Pilihan Raya Umum ke-15 kali ini. Masyarakat Malaysia pada masa kini sepertinya sudah selesa untuk menggunakan media sosial sebagai platform untuk mendapatkan maklumat berbanding dengan menggunakan sumber-sumber yang bersifat tradisional seperti surat khabar, televisyen dan sebagainya. Misalnya, Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka pada tahun lalu telah melihat kegigihan kesemua calon yang bertanding dalam menjalankan kempen secara atas talian. Calon-calon dan parti-parti ini telah menggunakan kaedah ini secara agresif bahkan dari proses memperkenalkan calon, sehinggalah proses berkempen. Keadaan ini telah menyebabkan sebarang aktiviti yang melibatkan persembaan, perkumpulan masyarakat dan ceramah umum untuk tidak dibenarkan sama sekali. Tindakan yang tegas ini telah diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan memfokuskan kepada pengawalan terhadap peningkatan jumlah penularan kes dan angka pesakit yang terkorban pada ketika itu.

Begitu juga pada November 2022, Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) telah menyaksikan bahawa parti-parti beserta calon yang bertanding telah berusaha keras untuk mengukuhkan strategi mereka untuk menjalankan kempen secara atas talian. Cuma bezanya pada kali ini, tiada lagi sekatan-sekatan yang digunakan keatas parti-parti untuk menjalankan proses-proses berkempen secara fizikal kerana tiada kekangan yang memudaratkan seperti wabak COVID-19 lagi. Situasi seperti ini menyebabkan keadaan ini terlihat lebih ketara bahawa penggunaan media sosial dan platform atas talian adalah lebih tinggi berbanding dengan PRU-PRU yang lalu. Hal ini dapat dikatakan berlaku kerana ianya dilihat bersifat nyata, mudah serta sampai kepada golongan sasaran.

Justeru, permasalahan ini dibawa oleh makalah ini adalah untuk merungkai sekiranya proses sosialisasi yang berlaku telah memberikan kesan kepada dan impak yang besar terhadap kecenderungan politik dan gelombang politik yang baharu dalam kalangan masyarakat setempat, lebih-lebih lagi dengan adanya penglibatan golongan belia pada Pilihan Raya Umum ke 15 (PRU-15) yang lalu. Hal ini kerana, kekalahan Pakatan Rakyat/Pakatan Harapan di Permatang Pauh telah menimbulkan beberapa persoalan, antaranya berkaitan dengan kredibiliti calon dari parti-parti yang bertanding. Misalnya, adakah kekalahan parti Pakatan Harapan pada PRU-15 yang lalu merupakan sebuah bentuk pemberontakan oleh pengundi, adakah perubahan ini disebabkan oleh pengaruh agen-agen sosialisasi kepada pengundi muda yang baru pertama kali mengundi, atau ianya telah didasari oleh beberapa entiti yang memperjuangkan kepentingan peribadi mereka semata-mata?

Selain itu, makalah ini dibuat untuk mencapai tiga objektif utama. Pertama, untuk mengenalpasti sekiranya kejatuhan Parti Keadilan Rakyat dan Pakatan Harapan adalah didorong oleh faktor perubahan budaya sosialisasi masyarakat di Permatang Pauh. Kedua, menilai agen-agen sosialisasi yang membawa pengaruh terkuat dan memberikan kesan dan memberikan kesan yang paling signifikan kepada pemahaman politik golongan belia di Permatang Pauh. Ketiga, menghuraikan sekiranya sosialisasi budaya politik yang berlaku di Permatang Pauh berupaya mengundang elemen- elemen negatif seperti ketaksuban dan ekstremisme.

2. Tinjauan Literatur

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Ku Hasnita Ku Samsu (2017), media sosial merupakan salah satu agen sosialisasi yang berkesan mempengaruhi budaya politik di Malaysia. Menerusi media sosial, ianya dilihat mampu memberikan impak yang besar terhadap perubahan budaya politik negara Malaysia, dimulai dengan pengaruh yang disebarkan dalam kalangan golongan belia. Keadaan ini dapat dilihat menerusi Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU-12), apabila kempen telah dijalankan menggunakan saluran internet untuk meraih perhatian para pengundi. Keadaan ini lebih jelas dilihat kerana pada PRU-

12, parti Barisan Nasional telah gagal untuk mempertahankan jumlah majoriti dua pertiga kerusi untuk mengekalkan kedudukan mereka di Parlimen. Selain itu, keadaan ini seakan-akan memberikan fokus dan tekanan yang tinggi kepada golongan belia kerana ianya mengundang spekulasi masyarakat kepada golongan belia. Hal ini kerana mereka dikatakan telah meletakkan kebergantungan yang tinggi terhadap maklumat-maklumat politik yang disebarkan melalui platform media sosial dan keadaan ini adalah tidak adil kepada pihak kerajaan kerana maklumat-maklumat yang tersebar di internet merupakan informasi yang cenderung memihak kepada mereka yang berada di pihak pro-pembangkang.

Kajian yang telah dijalankan oleh Junaidi Awang Besar et al. (2013) juga telah dijalankan bagi mengenalpasti sumber maklumat yang digunakan oleh golongan muda untuk dirujuk dalam mengetahui isu-isu semasa berkenaan politik. Kajian ini menjadi pembuktian bahawa golongan belia yang terdiri daripada kalangan mahasiswa banyak menggunakan sumber internet sebagai sebuah sumber utama dalam memahami perkembangan politik semasa. Hal ini kerana, internet dilihat sebagai sebuah platform yang lebih padat, kerana ianya memuatkan pelbagai jenis pendapat, interaksi dalam kalangan masyarakat, mudah untuk diakses dan isu-isu yang terkandung didalamnya merupakan isu-isu yang sentiasa dikemaskini. Kajian ini telah menyimpulkan bahawa kesedaran politik dalam kalangan mahasiswa dilihat sebagai sederhana tinggi. Selain itu, kajian ini menyarankan agar pihak universiti untuk menjadi lebih terbuka dan tidak memandang politik sebagai sebuah isu yang lapuk ditelan zaman, memandangkan mahasiswa kini dilihat lebih mempunyai nilai keterbukaan dan kematangan intelektual, menjadikan mereka lebih cakna dalam isu-isu politik semasa dan membezakan antara yang buruk. Penekanan ini diberi memandangkan ianya perlu seiring dengan perkembangan teknologi hari ini kerana teknologi telah menjadi antara agen sosialisasi dan mempengaruhi terbesar pemikiran politik mahasiswa.

Kajian oleh Mohd Fuad et al. (2013) mendapati bahawa gerakan mahasiswa yang aktif memperjuangkan kebebasan bersuara menerusi aktiviti-aktiviti demonstrasi dan kemasyarakatan juga dipengaruhi oleh faktor perkembangan politik kampus. Gerakan ini banyak menyuarakan pendapat dan perjuangan yang berteraskan kepada peningkatan taraf hidup masyarakat sivil. Perubahan yang berlaku dalam kampus apabila setiap kali musim pilihan raya juga menjadi indikator bahawa perkembangan yang berlaku kepada pendirian mereka menunjukkan bahawa mereka sudah matang dan boleh diharap dalam membuat keputusan dan menentukan hala tuju politik negara.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Mohd Azmir Mohd Nizah (2019) telah memberikan pandangan bahawa penekanan terhadap proses sosialisasi yang wajar diperkasakan lagi. Hal ini kerana kajian beliau merumuskan bahawa terdapat beberapa kelompok dalam kalangan belia yang masih lagi mempunyai kesedaran politik yang rendah. Individu-individu ini tidak melibatkan diri dalam apa apa jenis aktiviti politik termasuklah yang melibatkan kehidupan sivik, pengundian dan bahkan dalam keahlian sesebuah organisasi. Mereka ini dikenali sebagai 'apati-belia'. Walau bagaimanapun, terdapat juga pandangan yang berpegang kepada 'anti-apati', iaitu pandangan bahawa penglibatan belia dalam politik juga boleh diukur daripada bentuk yang tidak konvensional (Ali Salman et al. 2019). Dapatan lain daripada kajian ini adalah bahawasanya taraf pendidikan merupakan antara salah satu faktor belia dilihat kurang terlibat dengan aktiviti politik konvensional mahupun menyertai sebarang gerakan Badan Bukan Kerajaan (NGO), apabila dibandingkan dengan pengundi yang lebih berusia. Belia yang mempunyai taraf pendidikan yang di peringkat universiti didapati lebih terlibat dengan aktiviti politik yang bukan konvensional walaupun tiada perbezaan yang ketara sekiranya dibandingkan dengan para pengundi yang lebih berusia. Walau bagaimanapun, kajian ini meninggalkan persoalan tentang hala tuju yang dibawa oleh polisi Undi 18 yang dinukilkan dalam memperkasakan belia agar penglibatan mereka dalam aktiviti politik konvensional akan terus meningkat.

Kajian oleh Noor Shazalina binti Md Razali dan Rosyidah binti Muhamad (2022) pula mendapati bahawa kewujudan dan perkembangan teknologi maklumat dengan penggunaan media sosial seperti Youtube, Twitter dan Facebook telah membawa suasana yang baharu dalam dunia politik. Hal ini kerana, merujuk kepada kajian-kajian yang lalu, minat golongan belia terhadap arena politik dilihat masih berada di tahap yang rendah dan kurang memuaskan sewaktu ketiadaan teknologi internet berbanding sekarang. Selain itu, kajian ini turut menyatakan bahawa penggunaan internet adalah baik

dalam penyebaran kesedaran politik dalam kalangan belia, namun kita masih tidak dapat menafikan bahawa penggunaan teknologi internet dan media sosial mampu memberikan kesan yang buruk kepada budaya masyarakat.

3. Metodologi dan Kawasan Kajian

3.1 Tatacara pengumpulan data

Data mentah yang digunakan dalam kertas kerja ini adalah data primer yang diperoleh menerusi kaedah soal selidik. Soal selidik ini diperoleh daripada soal selidik yang dibuat keatas pengundi di Permatang Pauh, Pulau Pinang dan merupakan sumber data yang tertutup. Data yang digunakan adalah merangkumi Profil Responden, Sosialisasi Budaya Politik di Permatang Pauh, Kesan UNDI18 dalam Pilihan Raya Umum di Permatang Pauh dan Ketaksuban dan Ekstremisme. Selain itu, kajian ini juga dibuat dengan menggunakan sumber sekunder seperti jurnal akademik dan rujukan perpuustakaan sebagai rujukan.

3.2 Analisis Data

Antara kaedah yang digunakan dalam menganalisis data yang diperoleh adalah kaedah analisis deskriptif berangka. Kaedah ini merupakan sebuah kaedah analisis yang membolehkan data-data yang diperoleh untuk dirumuskan kepada satu nilai sahaja. Selain itu, analisis juga dibuat menggunakan kaedah analisis deskriptif bergraf. Kaedah ini merupakan sebuah kaedah yang digunapakai bagi menunjukkan graf yang bersesuaian yang digunakan mengikut soalan-soalan yang telah dikemukakan. Pengvisualan data melalui kaedah deskriptif bergraf digunakan mengikut kesesuaian supaya ianya senang untuk dibentangkan berdasarkan deskriptif berangka yang telah dipilih. Antara graf yang akan digunakan adalah carta palang, carta palang bertindan, carta pai dan carta area.

3.3 Kawasan Kajian

Kawasan kajian yang dipilih adalah Permatang Pauh. Permatang Pauh telah dipilih sebagai tempat kajian kerana kajian ini bertujuan untuk mengetahui faktor kejatuhan parti politik yang telah mendominasi pentadbiran politik kawasan tersebut semenjak kira-kira 40 tahun yang lalu dari perspektif akademik sains politik.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Menjelaskan faktor-faktor kejatuhan parti Parti Keadilan Rakyat (PKR) atau Pakatan Harapan (PH) dalam aspek perubahan corak dan budaya sosialisasi yang dibawa oleh masyarakat di Permatang Pauh.


Garis masa dimulai pada tahun 1999, Permatang Pauh telah ditadbir oleh parti Keadilan dibawah seliaan Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail. Kemenangan dalam pilihan raya yang diperoleh telah membolehkan beliau mentadbir kawasan Permatang Pauh selama 9 tahun, yang akhirnya tamat pada tahun 2008. Selepas beliau menamatkan khidmatnya menyelia kawasan Permatang Pauh, suaminya yang kini merupakan Perdana Menteri Malaysia ke-10, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mengambil alih kawasan Permatang Pauh mewakili Parti Keadilan Rakyat (PKR). Khidmat telah diberikan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim sehingga tahun 2015, sebelum Permatang Pauh kembali dimenangi oleh Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail. Kali ini, beliau telah mentadbir Permatang Pauh mewakili Parti Keadilan Rakyat (PKR) sehingga tahun 2018 sebelum akhirnya anak mereka, Nurul Izzah Anwar (PH-PKR) bertanding dan mengambil alih takhta kedua orang tuanya untuk menjaga Permatang Pauh. Walau bagaimanapun, PRU-15 menyaksikan kejatuhan parti-parti ini setelah lama mendominasi Permatang Pauh apabila calon daripada PN-PAS, Ustaz Muhammad Fawwaz Mohamad Jan buat pertama kalinya memenangi kerusi yang dipertandingkan. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menilai sekiranya kejatuhan parti

Parti Keadilan Rakyat / Pakatan Harapan adalah didorong oleh faktor perubahan corak dan budaya sosialisasi yang dibawa oleh masyarakat di Permatang Pauh.

Di negara-negara lain, penglibatan ramai orang seringkali dilihat menerusi proses pengundian dan pilihan raya. Keadaan ini dapat dilihat menerusi jumlah peratusan pengundi yang keluar mengundi yang lebih besar berbanding dengan gerakan kumpulan pendesak dan parti politik. Situasi ini menjadi cerminan kepada sikap tidak acuh masyarakat terhadap pergerakan politik di negara mereka yang tidak terlalu signifikan berikutan dengan sikap politik mereka yang pasif. Permasalahan ini berkemungkinan berpunca daripada pengaruh daripada persekitaran sekeliling, disamping pegangan peribadi sendiri yang menganggap bahawa proses pembuatan keputusan sebagai sebuah proses yang rumit dan mengambil masa yang panjang, walaupun aktiviti mengundi hanya mengambil masa yang singkat dan mudah.


Barry (1970) menggunakan dua pendekatan utama dalam menerangkan sistem politik demokrasi di Amerika Syarikat iaitu pendekatan sosiologi dan ekonomi. Walau bagaimanapun, bagi konteks Malaysia, perbincangan dari Ghazali Mayudin (2006) telah merungkai aspek yang dilihat berkaitan secara rapat dengan demokrasi dan pilihan raya di Malaysia yakni tingkahlaku pengundi setempat. Beliau menatijahkan bahawa terdapat tiga sudut pandang utama yang boleh digunakan sebagai indikator yang mengukur kelakuan dan corak pengundian masyarakat, iaitu pendekatan sosiologi, pilihan rasional pengundi dan identifikasi parti. Menurut beliau, kesemua pendekatan ini boleh dilihat dalam kajian tentang pilihan raya di Malaysia kerana ketiga-tiganya adalah relevan dan berkaitan antara satu sama lain. Selain itu, tingkahlaku politik telah diperjelaskan menerusi konsep budaya politik. Hal ini kerana, budaya politik berperanan penting dalam memberikan pemahaman terhadap tingkahlaku masyarakat yang sebenar, terutamanya dari segi keselamatan dan penglibatan masyarakat dalam politik (Bowman, 1974). Dari sudut pandang psikologi, seorang manusia membuat sesebuah tindakan yang berasaskan kepada keperluan mereka. Tindakan ini seterusnya akan menyebabkan berlakunya pembentukan polisi menerusi pembuatan keputusan oleh kerajaan, yang menjadikan kerajaan lebih cakna akan kepentingan dan keperluan rakyat (Segall, 1976).

Untuk mendalami persoalan ini, kajian ini cuba mengkaji sekiranya tingkahlaku politik masyarakat di Permatang Pauh menjadi salah satu faktor sosialisasi kepada perubahan yang signifikan yang berlaku dalam PRU15 yang lalu. Tingkah laku adalah salah satu faktor psikologi yang menjadi asas kepada kelakuan ruangan seseorang individu. Faktor ini menjadi penekanan peranan kognitif dan memberi kesan kepada proses pembuatan keputusan. Antara aspek-aspek yang boleh dilihat adalah dari dimensi geografi serta tindakan masyarakat setempat, persekitaran yang berakar dari masa lalu, semasa atau masa hadapan, ekonomi, politik, budaya, sejarah dan struktur sosial masyarakat setempat.




Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1, kajian ini telah membuat soal selidik terhadap 45 orang responden. Berdasarkan laporan yang diperolehi, 11 orang dari responden yang berusia 18 hingga 23 Tahun 'Sangat Setuju', manakala 14 orang lagi memilih 'Setuju' bahawa pengetahuan politik adalah penting dalam menjamin perkembangan politik di sesebuah tempat. Tiada responden daripada kumpulan usia ini yang berasa 'Tidak Pasti', 'Tidak Setuju' atau 'Sangat Tidak Setuju'. Seterusnya bagi kumpulan responden yang berumur 24 hingga 29 Tahun, 5 orang daripada mereka memilih 'Sangat Setuju' dengan kenyataan yang diberikan, manakala seorang responden memilih 'Setuju', dan seorang responden memilih 'Tidak Pasti' sebagai tanggapan mereka terhadap soalan ini. Berdasarkan kumpulan umur 30 hingga 35 Tahun, 3 responden memilih 'Sangat Setuju' dan seorang responden memilih 'Setuju'. Tiada responden dari kumpulan umur ini yang berpendapat bahawa mereka 'Tidak Pasti', 'Tidak Setuju' atau 'Sangat Tidak Bersetuju' dengan kenyataan ini.



Rajah 2

Berdasarkan Rajah 2, tujuh orang pengundi kali pertama daripada jumlah 45 orang responden memilih ‘Sangat Setuju’, 11 orang memilih ‘Setuju’, tujuh orang memilih ‘Tidak Pasti’, seorang memilih ‘Tidak Setuju’ dan tiada responden pengundi kali pertama yang memilih ‘Sangat Tidak Setuju’ dengan kenyataan yang diberikan. Bagi kumpulan pengundi kali kedua, dua orang responden memilih ‘Sangat Setuju’, empat orang responden memilih ‘Setuju’, seorang responden memilih ‘Tidak Pasti’ dan seorang responden memilih ‘Tidak Setuju’ dengan kenyataan tersebut. Tiada dalam kalangan pengundi kali kedua yang memilih ‘Sangat Tidak Setuju’. Selain itu, tiga orang dari pengundi kali ketiga memilih ‘Setuju’ dan seorang lagi memilih ‘Tidak Pasti’. Tiada responden dari kumpulan ini yang mengundi untuk ‘Sangat Setuju’, ‘Tidak Setuju’, dan ‘Sangat Tidak Setuju’. Dari kumpulan pengundi lebih dari kali ketiga, seorang daripada mereka memilih ‘Sangat Setuju’, empat orang memilih ‘Setuju’ dan dua orang memilih ‘Tidak Pasti’. Tiada responden dari kumpulan ini yang memilih jawapan ‘Tidak Setuju’ atau ‘Sangat Tidak Setuju’.



Rajah 3

Selain itu, soal selidik ini telah mengajukan persoalan sekiranya para pemastautin Permatang Pauh mengundi berdasarkan pengaruh yang diberikan oleh orang sekeliling. Hasil daripada soal selidik soalan ini, empat orang pemastautin tetap Permatang Pauh memilih 'Sangat Setuju', 11 orang memilih 'Setuju', empat orang responden memilih 'Tidak Pasti' dan 18 orang responden memilih 'Tidak Setuju' dan seorang memilih 'Sangat Tidak Setuju'. Selain itu, terdapat juga responden yang bukan pemastautin tetap Permatang Pauh. Dari keseluruhan responden yang bukan pemastautin tetap Permatang Pauh, dua orang daripada mereka memilih 'Sangat Setuju', dua orang lagi daripada mereka memilih 'Setuju', dua responden memilih 'Tidak Setuju' dan seorang responden memilih 'Sangat Tidak Setuju' (Lihat Rajah 3).


4.2 Mengenal pasti agen sosialisasi yang membawa pengaruh terkuat dan memberikan kesan yang paling signifikan terhadap pemahaman politik generasi muda di Permatang Pauh dalam PRU15.

Masyarakat Malaysia pada masa kini sepertinya sudah selesa untuk menggunakan media sosial sebagai platform untuk mendapatkan maklumat berbanding dengan menggunakan sumber-sumber yang bersifat tradisional seperti surat khabar, televisyen dan sebagainya. Misalnya, Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka pada tahun lalu telah melihat kegigihan kesemua calon yang bertanding dalam menjalankan kempen secara atas talian. Calon-calon dan parti-parti ini telah menggunakan kaedah ini secara agresif bahkan dari proses memperkenalkan calon, sehinggalah proses berkempen. Keadaan ini telah menyebabkan sebarang aktiviti yang melibatkan persemukaan, perkumpulan masyarakat dan ceramah umum untuk tidak dibenarkan sama sekali. Tindakan yang tegas ini telah diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan memfokuskan kepada pengawalan terhadap peningkatan jumlah penularan kes dan angka pesakit yang terkorban pada ketika itu.

Begitu juga pada November 2022, Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) telah menyaksikan bahawa parti-parti beserta calon yang bertanding telah berusaha keras untuk mengukuhkan strategi mereka untuk menjalankan kempen secara atas talian. Cuma bezanya pada kali ini, tiada lagi sekatan-sekatan yang digunakan keatas parti-parti untuk menjalankan proses-proses berkempen secara fizikal kerana tiada kekangan yang memudaratkan seperti wabak COVID-19 lagi. Situasi seperti ini menyebabkan keadaan ini terlihat lebih ketara bahawa penggunaan media sosial dan platform atas talian adalah lebih tinggi berbanding dengan PRU-PRU yang lalu. Hal ini dapat dikatakan berlaku kerana ianya dilihat bersifat nyata, mudah serta sampai kepada golongan sasaran.


Menurut Datuk Dr Jeniri Amir yang merupakan seorang Felo Kanan Majlis Profesor Negara, kenyataan bahawa media baharu dan media elektronik merupakan sebuah wadah yang signifikan untuk digunakan bagi tujuan untuk mendapatkan perhatian dan dokongan masyarakat, serta menentukan pola persepsi para pengundi terhadap para calon dan parti-parti, wajarlah diakui oleh para pemimpin politik. Ujarnya lagi, penggunaan media sosial sebagai sebuah platform inisiatif dalam kempen pilihan raya telah dikenalpasti bermula sejak tahun 2013 lagi, walaupun tidaklah secara meluas. Walau bagaimanapun, masyarakat mula menyedari bahawa terdapat saluran yang menyajikan muatan atas talian yang terkini, dengan kosnya yang lebih murah dan mudah. Keadaan inilah yang mendorong para pemimpin dan parti-parti politik untuk menggiatkan kempen dan melontarkan pendapat atau pandangan mereka secara aktif melalui platform media-media elektronik terkini. Mereka mudah menggunakan instrumen-instrumen ini untuk menyampaikan segala wacana politik seperti wadah, manifesto dan ideologi mereka yang tersendiri kepada masyarakat Malaysia.

Di samping itu, kehadiran para pengundi 18 tahun pada PRU kali ini telah menjadi alasan yang kukuh untuk para calon dan parti-parti bagi memantapkan lagi pengaruh mereka di dunia maya. Hal ini termasuklah membuat penyediaan dari segi poster infografik yang senang difahami serta video atau audio yang menarik. Sumber-sumber seperti ini dapat digunakan dalam menarik minat golongan muda kerana sifat sumbernya yang lebih interaktif dan santai, bertepatan dengan jiwa para pengundi muda. Oleh yang demikian, beberapa soal selidik telah dibuat untuk mencapai objektif kedua kajian ini, iaitu untuk mengenal pasti agen sosialisasi yang membawa pengaruh terkuat dan memberikan kesan yang paling signifikan terhadap pemahaman politik generasi muda di Permatang Pauh dalam PRU15.




Rajah 3

Selain itu, soal selidik juga telah dibuat terhadap pengundi yang keluar mengundi pada Pilihan Raya Umum ke 15. Soalan diajukan sekiranya pengundi melihat pelaksanaan UNDI18 telah memberikan kesan kepada perubahan politik yang berlaku di Permatang Pauh. Hasil dari dapatan kajian, tujuh orang responden daripada pengundi Permatang Pauh pada PRU15 memilih 'Sangat Setuju', 20 pengundi PRU15 memilih 'Setuju', 10 pengundi memilih 'Tidak Pasti' dan tiga orang pengundi memilih 'Tidak Setuju'. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa responden yang tidak keluar mengundi pada PRU15 yang lalu. Tiga orang daripada mereka memilih 'Setuju' bahawa pelaksanaan UNDI18 telah memberikan kesan kepada perubahan politik di Permatang Pauh manakala dua orang responden lagi memilih 'Tidak Pasti'. Tiada responden yang memilih 'Sangat Tidak Setuju, sama ada yang keluar mengundi atau pun tidak.



Rajah 4

Bagi soalan 'Adakah golongan belia di Permatang Pauh dilihat aktif melibatkan diri semasa PRU15 yang lalu?', dua orang dari kumpulan pengundi kali pertama memilih 'Sangat Setuju', 14 orang memilih 'Setuju', sembilan orang memilih 'Tidak Pasti' dan seorang memilih 'Tidak Setuju'. Selain itu, seorang dari kumpulan pengundi kali kedua memilih 'Sangat Setuju', empat orang memilih 'Setuju', dua orang memilih 'Tidak Pasti', seorang memilih 'Tidak Setuju'. Dari kumpulan pengundi kali ketiga pula, seorang responden memilih 'Setuju' dan tiga orang memilih 'Tidak Pasti'. Bagi Kumpulan pengundi yang telah mengundi lebih dari tiga kali, dua orang responden telah memilih 'Setuju', tiga orang responden memilih 'Tidak Pasti' dan dua orang memilih 'Tidak Setuju'. Di samping itu, tiada responden dari mana-mana kumpulan mengundi yang memilih jawapan 'Sangat Tidak Setuju'.



Rajah 5

Bagi soal selidik soal 'Adakah undi golongan belia penting dalam pilihan raya?', 10 responden daripada pemastautin tetap Kawasan Permatang Pauh memilih 'Sangat Setuju', 15 responden memilih 'Setuju', 10 responden memilih 'Tidak Pasti' dan tiga orang memilih 'Tidak Setuju'. Di samping itu, juga terdapat kumpulan bukan pemastautin tetap Kawasan Permatang Pauh. Daripada kumpulan ini, tiga responden memilih 'Sangat Setuju' bahawa kumpulan belia penting dalam pilihan raya, diikuti dengan empat responden lagi yang menjawab 'Setuju'.

4.3 Menilai impak proses sosialisasi politik terhadap kemunculan dan perkembangan elemen negatif seperti ketaksuban dan ekstremisme.

Retorik deliberatif ataupun retorik politik boleh difahami sebagai sebuah retorik yang mempunyai perkaitan dengan himpunan politik dan ceramah politik. Kaedah ini selalunya digunakan dengan objektif untuk memujuk masyarakat umum untuk memberikan sokongan yang padu terhadap dasar atau kata akhir yang dibuat oleh parti politik mereka. Dalam erti kata lain, retorik dibuat dengan tujuan untuk meraih undi dan sokongan daripada para pengundi ketika menjelang musim pilihan raya. Retorik yang baik berupaya untuk mengekalkan kuasa dan memperluaskan pengaruh seseorang dalam politik.

Kebiasaannya, kaedah retorik politik ini digunakan dengan mengadakan penceritaan tentang perkara yang dijangka dan dijanjikan berlaku pada masa yang akan datang. Objektif utama tindakan ini dibuat adalah untuk memberikan pengaruh yang baik mahupun yang buruk tentang sesebuah perkara. Misalnya, ahli politik dari pihak pembangkang selalunya memberikan ceramah mengenai impak negatif yang akan menimpa rakyat di peringkat bawahan apabila Kerajaan membuat sebarang bentuk perjanjian antarabangsa. Keadaan ini berisiko menyebabkan kemarahan rakyat, yang seterusnya akan bergerak memberikan tekanan kepada pihak kerajaan yang memerintah.

Hakikatnya, retorik dalam politik boleh dimanfaatkan dengan baik sekiranya ianya digunakan untuk menyampaikan informasi yang baik dan benar kepada masyarakat umum. Retorik yang berkesan juga akan membolehkan berlakunya proses semak dan imbang oleh kerajaan dan rakyat. Walau bagaimanapun, kesan yang buruk juga berkemungkinan berlaku kesan daripada retorik yang memecahbelahkan rakyat. Masalah ini boleh mengundang kepada kerencatan pembangunan fizikal dan dasar yang diusahakan oleh pemimpin kerajaan.


Dalam konteks yang lebih mendalam, retorik politik boleh membawa kepada permasalahan yang lebih parah yakni timbulnya fahaman yang berbentuk ekstrem dan bersifat keganasan. Politik Malaysia dilihat masih bertunjangan retorik-retorik berunsurkan kaum dan agama yang berisiko menggugat keamanan negara kita. Hal ini dikatakan sedemikian kerana isu agama dan perkauman adalah isu-isu yang sensitif untuk dibincangkan di tempat umum. Keadaan ini boleh dilihat daripada contoh peristiwa yang telah berlaku di masa lalu, seperti peristiwa 13 Mei 1969 merupakan konflik perkauman yang berlaku kesan daripada hubungan yang tegang antara etnik Melayu dan Cina (Kheng, 1983).

Walaupun masyarakat sering mengaitkan keganasan dengan peristiwa yang besar seperti konflik antara Israel dan Palestin yang sudah berlaku semenjak tamat Perang Dunia Kedua lagi (Borum, 2012). Menurut Rapoport (2004), gelombang ketiga dalam keganasan berlaku menerusi revolusi sosial yang mendorong kepada wujudnya Gerakan anti-fasis, anti-sosialis dan anti kapitalis yang berlaku kerana gerakan penentangan adalah pertembungan intra-ideologi antara kumpulan yang menyokong sesebuah fahaman. Contohnya, faktor berlakunya kepuakan dalam Red Army di Jerman Timur adalah disebabkan oleh pemberontakan yang menentang organisasi komunis. Tembok Berlin yang runtuh pada tahun 1989 telah melihat pergolakan dalaman Parti Komunis dan penentangan rakyat yang menimbulkan persoalan mengenai ideologi komunis yang membantutkan kemajuan dan dilihat tidak progresif terhadap kemenangan rakyat. Walaupun pada mulanya ideologi sosialisasi melihat kemusnahan system kapitalis dan kelas masyarakat, namun konflik dalaman sosialis lebih cenderung untuk menjurus kepada perlakuan ganas yang menentang sosialis.

Selain itu, gelombang keempat dalam keganasan adalah keganasan agama. Keganasan agama adalah sebuah nilai yang negatif memandangkan ianya berupaya meruntuhkan institusi-institusi yang penting. Situasi ini dapat dilihat menerusi keruntuhan kedutaan Amerika Syarikat di Tehran, Iran yang telah dibuat oleh Kumpulan Syiah pada tahun 1979. Kesannya dapat dilihat sehingga hari ini, apabila keganasan golongan fundamentalis telah dikutuk sebagai suatu gerakan yang ganas kerana menjadikan agama sebagai alat untuk menarik hati para pengikut. Selain itu, Tindakan Yigal Amir yang merupakan ketua gerakan fundamentalis Yahudi untuk membayar pembunuh upahan daripada puak fundamentalis


Yahudi. Pembunuhan bersasar ini telah dibuat kepada Yitzhak Rabin yang merupakan Perdana Menteri Israel pada tahun 1995. Pembunuhan ini dirancang sebagai sebuah tindak balas kepada penyertaan Rabin yang menganggotai rundingan Oslo (Mohd Roslan, 2015). Para fundamentalis Yahudi telah menganggap rundingan tersebut sebagai sebuah pengkhianatan Bangsa Yahudi. Hal ini kerana Rundingan Oslo telah menetapkan syarat untuk meletakkan pasukan keselamatan bagi menjaga persempadanan Israel. Yigal Amir telah melihat perkara ini sebagai sebuah bentuk ancaman kepada penduduk Yahudi Israel (Post, 2015).

Oleh hal yang demikian, kajian ini cuba menilai sekiranya proses sosialisasi politik yang berlaku di Kawasan Permatang Pauh berupaya membawa kepada kemunculan elemen-elemen yang negatif seperti ekstremisme dan keganasan.




Rajah 6

Selain itu, soal selidik juga telah mengajukan soalan berkenaan reaksi masyarakat Permatang Pauh apabila berhadapan dengan informasi politik yang bersifat retorik dari orang-orang sekeliling. Berdasarkan dapatan kajian, empat orang dari pekerja sektor kerajaan yang bermastautin di Permatang Pauh memilih 'Membuat penilaian' sebagai jawapan, diikuti dengan enam orang pekerja Sektor Swasta, tiga orang responden yang Bekerja sendiri, dua orang responden yang Tidak Bekerja dan 16 orang Pelajar. Selain itu, terdapat seorang responden dari kumpulan Bekerja Sendiri dan seorang dari kumpulan Pelajar telah memilih jawapan 'Menerima Sepenuhnya'. Bagi pilihan jawapan 'Menolak Sepenuhnya', seorang responden daripada Sektor Kerajaan, dua responden daripada Sektor Swasta dan seorang responden yang Tidak Bekerja telah memilih respon ini. Namun demikian, terdapat empat orang responden daripada Sektor Swasta dan seorang responden daripada kumpulan Pelajar telah memilih jawapan 'Tidak Ambil Tahu'.




Rajah 7

Merujuk kepada Rajah 7, dapatan kajian telah menunjukkan laporan mengenai pendapat masyarakat Permatang Pauh yang telah keluar mengundi pada Pilihan Raya Umum ke 15, dengan tujuan untuk mengetahui sekiranya menyebarkan pengetahuan politik mereka kepada masyarakat di sekeliling atau di media sosial. Berdasarkan hasil dapatan, dua orang responden yang keluar mengundi pada Pilihan Raya Umum ke 15 yang lalu telah menjawab 'Kerap kali', 18 orang responden telah menjawab 'Selalu', 14 orang responden menjawab 'Kadang-kadang' dan enam orang responden menjawab 'Tidak Pernah'. Di samping itu, terdapat juga pemastautin tetap Permatang Pauh yang tidak keluar mengundi pada Pilihan Raya Umum ke 15 yang lalu. Seorang daripada mereka memilih 'Selalu', dua orang responden memilih 'Kadang-kadang' dan dua orang lagi memilih 'Tidak Pernah'.



Rajah 8

Berdasarkan Rajah 8, soal selidik telah mengajukan soalan kepada para responden berkenaan pendapat mereka tentang keperluan unsur retorik dalam ceramah dan kempen yang menyampaikan pengetahuan dan membudayakan politik setempat. Merujuk kepada dapatan kajian, empat orang kumpulan pengundi kali pertama memilih 'Sangat Setuju', sembilan responden memilih 'Setuju', empat responden memilih 'Tidak Pasti', lapan orang memilih 'Tidak Setuju' dan seorang responden memilih 'Sangat Tidak Setuju'. Selain itu, seorang responden dari kumpulan pengundi kali kedua telah memilih 'Sangat Setuju', empat responden memilih 'Setuju', dua orang responden memilih 'Tidak Pasti' dan seorang responden memilih 'Tidak Setuju'. Bagi kumpulan pengundi kali ketiga, dua orang responden memilih jawapan 'Setuju' dan dua orang responden lagi memilih jawapan 'Tidak Pasti'. Hanya dua orang responden dari kumpulan pengundi yang telah mengundi lebih dari kali ketiga memilih 'Setuju' dan tiga responden daripada kumpulan ini memilih jawapan 'Tidak Setuju' bagi persoalan yang diajukan.



Rajah 9

Rajah 9 menunjukkan hasil dapatan kajian daripada soalan temubual yang diberikan kepada pemastautin tetap Permatang Pauh. Berdasarkan rajah, tujuh responden yang merupakan pemastautin tetap Permatang Pauh telah memilih jawapan 'Sangat Setuju', manakala 25 responden lagi memilih 'Setuju', diikuti lima orang responden lagi memilih 'Tidak Pasti'. Tidak hanya itu, seorang responden yang merupakan pemastautin tetap kawasan Permatang Pauh juga telah memilih 'Tidak Setuju' sebagai jawapan. Di samping itu, soal selidik ini juga telah dijawab oleh beberapa orang bekas pemastautin kawasan Permatang Pauh. Daripada keseluruhan tujuh orang, empat daripada mereka menjawab 'Setuju' dan tiga lagi menjawab 'Tidak Pasti'.

5. Rumusan dan Cadangan

Dari satu sudut pandang, perubahan yang cuba dibangunkan dalam politik Malaysia kini tidak lagi dibuat berdasarkan kepada keperluan seperti yang dibuat sebelum ini. Masyarakat Malaysia kini ingin menumpukan perhatian terhadap usaha dalam membuat penambahbaikan, kemahuan dan kehendak, berbanding dengan masyarakat dahulu yang lebih cenderung mengamalkan politik yang berteraskan etnik dan pola ideologi yang dogmatik.

Secara umumnya, trend pengundian di Permatang Pauh pernah menunjukkan kecenderungan terhadap parti pembangkang. Namun perubahan yang berlaku mungkin telah disebabkan oleh proses sosialisasi yang telah berubah memandangkan dalam PRU-15, pengundi daripada undi-18 telah turun mengundi buat pertama kalinya. Mereka ini merupakan hasil daripada proses sosialisasi yang dibawa oleh golongan veteran, memandangkan kebanyakan daripada golongan veteran mempunyai pendirian dan pengetahuan politik yang lebih mendalam berbanding yang lain.

Di samping itu, perkembangan teknologi dan media massa juga telah mempercepatkan

proses sosialisasi dan perubahan pemikiran ini. Setiap pihak wajarlah menggunakan platform-platform ini dengan adil, matang, berilmu dan komprehensif. Hal ini penting kerana pengamalan ilmu politik yang bersifat professional haruslah dipraktikkan agar negara kita dapat membentuk struktur politik yang sihat sekaligus memberikan manfaat kepada masyarakat umum.

Nilai keterbukaan dalam berpolitik wajarlah diamalkan dengan baik agar elemen demokrasi dapat disuburkan dan tidak hanya mengeruhkan hubungan politik bermasalah yang sedia ada. Elemen elemen seperti semak dan imbang, timbal-balas, pendapat alternatif, dan pengasingan kuasa wajar dipraktikkan dengan baik. Oleh yang demikian, kajian terhadap sosialisasi budaya politik di Permatang Pauh ini mengusulkan agar pemahaman politik dapat diterapkan dalam bentuk yang lebih formal seperti pendidikan bermula di peringkat sekolah menengah. Hal ini kerana, nilai politik yang sihat wajarlah diterapkan dalam kalangan masyarakat bermula di bangku sekolah agar mereka benar-benar memahami bahawa mereka adalah penentu masa depan dan arena politik negara di masa yang akan datang.

Rujukan

- Barry, B. (1970). *Sociologist, Economist and Democracy*. London: The Macmillan Company.
- Borum, Randy. 2012. Radicalization into Violent Extremism I: A Review of Social Science Theory. *Journal of Strategic Security*.
- Bowman, L. Boynton, G. (1974). *Political Behaviour and Public Opinion: Comparative Analyses*. New Jersey. Prentice Hall Inc.
- Junaidi, A. B., Mohd Fuad, M. J., Novel, L., dan Mazlan, A. (2013). *Penggunaan Internet dan Persepsi Politik Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia*. *Jurnal Personalia Pelajar*, 16: 1-13.
- Kheng, Cheah Boon. (1983). *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation of Malaya*. Singapore: Singapore University Press.
- Mohd Azmir Mohd Nizah, Sabri Mohamad Sharif. (2019). *Undi18: Belia dan Politik Konvensional*. Seminar Tamadun, Etnik dan Turath Islami (i-STET).
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar & Mazlan Ali. (2013). *Politik Kampus: Kajian Kes di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Shazalina Md Razali, Rosyidah binti Muhamad. (2022). Penyertaan Politik dalam Kalangan Belia dengan Menggunakan Media Sosial. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*.
- Post, Jerrold M. (2015). Terrorism and Right-Wing Extremism: The Changing Face Changing Face of Terrorism and Political Violence in the 21st Century: The Virtual Community of Hatred. *International Journal of Group Psychotherapy*.
- Rapoport, D.C. (2004). *The Four Waves of Modern Terrorism*. DC Washington: Georgetown University Press.
- Roslan, Mohd., Zaleha, Siti. (2015). Perjanjian Oslo: Kajian Terhadap Proses Damai Konflik Arab-Israel. *Jurnal al-Tamadun*.
- Segall M.H. (1976). *Human Behavior and Public Policy*. New York: Pergamon Press Inc